

## **OPERASI PENAPISAN GULA MSM JOHOR KEMBALI BEROPERASI, SASAR MEMPERTINGKATKAN PENGGUNAAN KAPASITI SEBANYAK 50%**

**PASIR GUDANG, JUN 1, 2021** – MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd (MSM Johor), anak syarikat yang dimiliki penuh oleh MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) melaporkan hari ini bahawa ia menyelesaikan kerja penyelenggaraan dandang. Semua kelulusan yang diperlukan dari pihak berkuasa dan badan pengawas yang berkaitan telah diperolehi. Prosedur juga telah diperakui memenuhi pematuhan penuh dengan keperluan piawaian industri dan polisi terutamanya dalam aspek keselamatan dan kualiti. MSM Johor dijangka akan memulakan pengeluaran dan pembungkusan gula pada 4 Jun 2021.

Pelan penambahbaikan tersebut telah dipercepatkan lebih awal sebagai sebahagian daripada penambahbaikan strategik syarikat dalam memperkasakan kecekapan dan mempertingkatkan kadar penggunaan (UF) di MSM Johor. Penutupan sementara tersebut bagi memberi laluan kepada kerja-kerja penyelenggaraan yang telah dirancang di samping menasaskan peningkatan dalam kebolehpayaan operasi dan ketersediaan stok.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad berkata, "Pelan penambahbaikan tersebut bukan sahaja akan meningkatkan kadar UF pengeluaran secara signifikan malah dilihat sebagai langkah proaktif bagi mengelakkan daripada berlaku sebarang gangguan di luar jangkaan. Pelan ini juga tidak menjejaskan keuntungan syarikat. Sementara dalam tempoh tersebut, MSM masih dapat memenuhi permintaan jualan dengan menggunakan stok-stok gula sedia ada di MSM Johor dan MSM Prai Berhad (MSM Prai) bagi memenuhi keperluan domestik. Walaubagaimanapun, terdapat sedikit gangguan dalam segmen eksport yang hanya memberikan impak minimum di mana nilai kontrak adalah kekal tidak terjejas. Proses penghantaran telah dijadualkan semula bersama pelanggan-pelanggan tetap kami."

Kapasiti pengeluaran tahunan MSM Johor kekal sebanyak 1 juta tan dan akan terus merekodkan peningkatan berterusan dengan peningkatan hasil dari 89% kepada 92% dan peningkatan UF dari 16% kepada 22% untuk S1 2021. Secara progresif, MSM Johor dijangka akan mencapai sasaran 50% kadar UF menjelang S3 2021 sejajar kerja-kerja pelan penyelenggaraan yang dipercepatkan tersebut.



"Kita akan akan terus memanfaatkan prospek MSM Johor sebagai salah satu strategi utama bukan sahaja dalam mengoptimumkan lebih kapasiti, tetapi juga untuk menaiktaraf sebagai pusat penapisan berintegrasi dengan penghasilan lebih banyak produk-produk bernilai tambah. Usaha dalam menembusi segmen pasaran baru dengan penaiktarafan kapasiti bagi produk-produk bernilai tambah seperti Gula Cair dan Gula Sirap disasarkan akan meningkatkan kadar UF di MSM Johor sebanyak 14%. Ini turut membuka peluang kepada MSM untuk meluaskan kehadiran dalam pasaran global di pelbagai pasaran serantau yang berpotensi sebagai pengeluar gula berintegrasi bertaraf dunia. Pembangunan variasi produk melalui MSM Johor juga akan memperkukuhkan kebolehpayaan operasi dan sekaligus mempertingkatkan hasil dan pengeluaran," tambah beliau.

MSM terus optimis dalam mengekalkan momentum dan mengecapi nilai yang menguntungkan bagi tahun ini disertai risiko yang minimum di sebalik kekangan yang tidak dijangka serta cabaran pasaran.

**-TAMAT-**



### **Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)**

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) adalah pengeluar gula bertapis terkemuka di Malaysia yang terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama. Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan syarikat logistik - MSM Logistics Sdn Bhd.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.05 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2020, MSM mengeluarkan sebanyak 1,010,215 tan gula bertapis, di mana 270,628 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai 60% majoriti syer pasaran domestik. Ditubuhkan pada 10 Mac 2011, MSM disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 28 Jun 2011 dengan modal pasaran sebanyak RM 401 million setakat 31 Disember 2020. MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM juga menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis di kalangan lain-lain produknya.

MSM menjual ke seluruh rangkaian pengguna di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung menerusi pedagang, pemborong dan pengedarnya. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar yang terlibat di dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal, perhotelan, restoran, rangkaian kedai-kedai makanan serta pengguna isirumah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.msmsugar.com](http://www.msmsugar.com)

### **Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan**

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti "percaya", "menganggarkan", "mengharapkan", "menjangka", "berhasrat", "mungkin", "akan", "merancang", "prospek" dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

### **Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Siti Noorbaya Mohd Yunus**  
+603 2181 5018 ext. 137  
+6016 677 6118  
[noorbaya.my@msmsugar.com](mailto:noorbaya.my@msmsugar.com)

**Ahmad Izwan Osman**  
+603 2181 5018 ext. 154  
+6017 440 1027  
[ahmadizwan.o@msmsugar.com](mailto:ahmadizwan.o@msmsugar.com)